



MUHAMAD FARID SAAD (tiga dari kiri) dan Musa Shaikh Fadzir (empat dari kiri) melihat bekas penanaman cendawan secara moden selepas merasmikan Karnival Usahawan Mahabbah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, kelmarin. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

Ceburi bidang farmasi, perkhidmatan kesihatan

BUKIT MERTA JAM 13 Mac - Usahawan bumiputera di negeri ini dicabar supaya menceburi bidang yang masih kurang diterokai kerana menjanjikan peluang lebih luas dan mampu melonjakkan pendapatan.

Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Fokus Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bumiputera negeri, Datuk Muhammad Farid Saad berkata, perniagaan seperti farmasi dan perkhidmatan kesihatan haiwan sebagai contoh mempunyai potensi besar.

Katanya, ketika ini majoriti

usahawan bumiputera di sekitar negeri ini terlibat dalam perniagaan berasaskan makanan.

“Secara putera usahawan yang menceburi bidang makanan meraih pendapatan sekitar RM500,000 setahun dan menjadi dasar jawatankuasa ini supaya mereka membuat anjakan terhadap perniagaan masing-masing sehingga mampu mencapai nilai jualan RM1 juta setahun,” katanya selepas merasmikan Karnival Usahawan Mahabbah di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Bukit Mertajam, Datuk Musa

Shaikh Fadzir dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Bahagian Bukit Mertajam, Datuk Tan Teik Cheng.

Mengulas lanjut, Muhammad Farid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong berkata, usahawan perlu bijak mengambil peluang serta menawarkan produk yang diperlukan pengguna.

“Dalam soal ini, saya suka menjadikan tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary yang mengembangkan perniagaan masing-masing dan boleh bertahan sehingga kini sebagai contoh,” katanya.